

Kesepadanan Fungsi Terjemahan Derivasi *Tafā'ala* dalam Surah al-Baqarah

[The Accurate Equivalent Function of Suffix Tafā'ala in al-Baqarah]

Muhammad Firdaus Abdul Manaf¹, Muhammad Zaid Shamsul Kamar², Mohamad Redha Mohamad³ & Md. Noor Hussin⁴

¹ Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: firdaus@kuis.edu.my.

² Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: muhhammadzaid@kuis.edu.my.

³ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: mohamadredha@kuis.edu.my.

⁴ Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: mdnoor@kuis.edu.my.

Penulis Penghubung: Dr. Muhammad Firdaus Abdul Manaf. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. E-mail: firdaus@kuis.edu.my. Telp: (+60) 3 8911 7000, ext: 6136.

Keywords:

*Derivation Function;
Meaning of Reference;
Context; Contrastive
Analysis; Root Word*

ABSTRACT

Most of the interpreters have difficulty in finding out the most accurate derivation of Arabic translation equivalent to the translated verb in Malay. This is because of failure to determine the function of translated derivation of the verb. This study is undertaken to examine the most accurate equivalent function of derivation word تَفَاعُلٌ (tafā'ala) in surah al-Baqarah. The objective of this study was to examine how Malay Arabic translation can be translated correctly when the prefix ت (ta') was added in front of a verb and insertion of ا (alif) was added after the first letter of the root word. Five research samples taken from surah al-Baqarah were studied by using contrastive analysis and content theory. The findings showed that the four samples interpreted according to the derivation translation function with the suffix تَفَاعُلٌ (tafā'ala) added, were translated correctly. While, the other sample was suggested with another translation. This study found all affixes of the samples meant المشاركة (al-mushārahah). In conclusion, translation is seen to be successful because it is translated correctly although there is little modification made with the aim of making the translation more natural in the context of the verse.

Kata Kunci:

*Fungsi Derivasi; Makna
Rujukan; Konteks Ayat;
Analisis Kontrastif; Kata
Akar*

ABSTRAK

Ramai dalam kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan derivasi atau kata kerja berimbuhan Arab yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan kegagalan untuk menentukan fungsi terjemahan derivasi sesuatu

kata kerja. Makalah ini memberikan tumpuan kepada fungsi terjemahan derivasi *تَفَاعُلٌ* (*tafā'ala*) yang sepadan dalam surah al-Baqarah. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab Melayu ini dapat dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasuki oleh kata imbuhan awalan *ت* (*ta'*) pada hadapan sesuatu kata kerja dan imbuhan sisipan *ا* (*alif*) selepas huruf pertama kata akarnya. Sebanyak lima sampel yang ditemui dalam surah al-Baqarah dikaji menggunakan analisis kontrastif dan teori konteks. Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa empat sampel diterjemahkan mengikut padanan fungsi terjemahan derivasi *تَفَاعُلٌ* (*tafā'ala*) dengan baik. Manakala baki yang satu sampel lagi disertakan dengan cadangan terjemahan yang lain. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa kesemua fungsi kata imbuhan tersebut membawa maksud *المشاركة* (*al-mushārah*). Kesimpulannya, penterjemahan dilihat berjaya kerana dilakukan dengan baik dan difahami, walau pun terdapat sedikit pengubahsuaian yang dilakukan bermatlamat menjadikan terjemahan lebih berbentuk natural sesuai dengan konteks ayat.

Received: April 01, 2020

Accepted: May 16, 2020

Online Published: June 01, 2020

1. Pengenalan

Kajian makna atau lebih dikenali dengan kajian semantik merupakan satu istilah yang wujud pada akhir abad kesembilan belas. Ia berasal daripada perkataan Yunani iaitu '*semantikos*' yang bermaksud 'signifikan'. Perkataan ini dalam istilah moden digunakan untuk merujuk kepada bidang yang mengkaji hubungan antara perkataan dengan makna (Ibrahim, Mat Yassim & Supramani, 2006). Newmark (1981) menyebut bahawa teori penterjemahan yang diperoleh daripada bidang linguistik komparatif ini amat menitikberatkan kaitan sesuatu perkataan dengan makna yang ingin disampaikan. Justeru, proses ini melibatkan kesepadanan makna teks bahasa sumber dengan teks bahasa sasaran dalam mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat antara kedua-dua bahasa tersebut (Norul 'Azmi, 2017). Salah satu proses yang dilakukan dalam bidang ini ialah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi pada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Abdul Wahid, 2012). Menurut Lubis, Jumingan & Mohamad (1998), padanan makna ini amat berkait rapat dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata dasar dengan kata imbuhan. Al-Hamlāwī (2003) pula menyebut bahawa setiap imbuhan tersebut memasuki sesuatu kata akar dengan membawa fungsi dan makna yang tertentu. Sulaiman (2011) juga menjelaskan bahawa setiap imbuhan apabila diteliti dengan mendalam satu persatu, ia akan mengetengahkan makna serta maksud tersendiri dan seterusnya mendominasi makna terhadap huruf imbuhan tersebut. Oleh itu, mengetahui makna bagi kata imbuhan dalam sesuatu kata kerja dengan baik amat penting, supaya makna dan maksud yang diterjemahkan itu benar-benar difahami.

Qaddūr (1996) menyebut bahawa pengembangan kata melalui proses pengimbuhan huruf kepada kata akar atau disebut dalam ilmu linguistik moden sebagai penambahan morfem terikat kepada beberapa *وزن* (*wazn*) tertentu menghasilkan struktur atau bentuk kata terbitan yang baharu, bahkan al-Rājihī (2008) menyebut bahawa proses ini turut menghasilkan makna baharu berdasarkan konteks yang tertentu. Wāfī (1997) menjelaskan bahawa peluasan makna baharu ini ditemui melalui kata imbuhan yang memasuki sesuatu kata akar sebagai kata kerjanya. Menurut Ismail (2003), kata imbuhan tersebut membawa banyak makna tersirat dalam membentuk sesuatu kata kerja berimbuhan atau disebut dalam bahasa Arab sebagai *أفعال مزيدة* (*af'āl mazīdah*) melalui *وزن* (*wazn*) atau pola yang tertentu. Sebagai contoh imbuhan awalan *hamzah* (إ) yang memasuki kata kerja *ماضي* (*mādī*) atau *قعد* (*qa'ada*) sehingga membentuk perkataan baharu iaitu *أقعد* (*aq'ada*). Kata kerja *ماضي* (*mādī*) *قعد* (*qa'ada*)

(*qa'ada*) ialah kata akar yang bermaksud 'duduk'. Namun penambahan *hamzah* (أ) pada hadapan kata *أقعد* (*aq'ada*) membawa banyak fungsi dan salah satu daripadanya ialah *التعدية* (*al-ta'diyyah*) iaitu menukarkan kata kerja tak transitif atau *فعل لازم* (*fi'l lāzim*) kepada kata kerja transitif atau *فعل متعدي* (*fi'l muta'addī*). Fungsi ini difahami melalui penambahan imbuhan apitan 'men ... kan' pada sesuatu terjemahan kata akar Arab-Melayunya. Jika *قعد* (*qa'ada*) bermaksud 'duduk', justeru *أقعد* (*aq'ada*) pula membawa maksud 'mendudukkan' seperti ayat *أقعدتُ المريضَ على مضجعه* (*aq'adtu al-marīda 'alā madja ihī*) yang bermaksud, 'Saya mendudukkan pesakit itu di atas tempat pembaringannya'.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini memilih beberapa pendekatan untuk dijadikan sebahagian daripada metodologi ini. Antaranya ialah:

2.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan dalam pengumpulan data. Rujukan sumber terdiri daripada sumber utama atau primier dan sumber sekunder. Sumber utama dikutip daripada '*Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*' (THQK) (2013) dan '*Kamus Besar Arab Melayu Dewan*' (KBAMD) (2006). Manakala, data sekunder pula diperolehi melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan analisis sampel kajian yang terdiri daripada dua buah kitab tafsir al-Quran utama iaitu '*al-Tafsīr al-Munīr*' (TMR) (1991) yang ditulis oleh al-Zuhaylī serta '*Tafsir Mubin*' (TMN) (2009) yang ditulis oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid.

2.2 Kajian Korpus

Kajian korpus ialah kitab '*Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*' (THQK) terbitan al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. dan dicetak oleh Percetakan Zafar Sdn. Bhd. sebagai cetakan pertama pada tahun 2013.


2.3 Analisis Data

Kesemua data yang diperolehi akan dianalisis secara kontrasitif dengan menggunakan teori konteks dengan keterangan berikut:

i. Analisis kontrasitif:

Kontrasitif ialah sesuatu yang dilakukan untuk menunjukkan perbezaan. Analisis kontrasitif atau analisis bezaan pula ialah satu analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan atau persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan (*Kamus Dewan*, 2016). Ahmad (2008) menjelaskannya dengan mengemukakan beberapa kriteria untuk membuat perbandingan tersebut. Pertama, perkara yang hendak dibandingkan mestilah dipilih terlebih dahulu kerana membandingkan dua bahasa secara menyeluruh adalah tidak praktikal dan membuang masa. Kedua, mencari perkara yang perlu untuk digandingkan atau diletakkan sebelah menyebelah untuk dibuat perbandingan melalui tiga cara sama ada padanan struktural (formal) atau padanan terjemahan atau kedua-duanya sekali, iaitu padanan struktural (formal) dan juga padanan terjemahan.

Oleh kerana analisis kontrasitif dilihat menjurus kepada kajian terhadap aspek sepadan antara dua bahasa atau lebih, ia amat sesuai diaplikasi dalam bidang terjemahan kerana bidang ini pasti melibatkan bahasa yang berbeza-beza di samping aspek padanannya dianggap perkara yang paling penting dalam penterjemahan. Justeru dalam kajian ini, penilaian terjemahan terhadap kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu melalui terjemahan surah al-Baqarah dalam THQK akan dianalisis mengikut pendekatan analisis kontrasitif ini. Penumpuan akan diberikan kepada perbandingan fungsi kata imbuhan antara kedua-dua bahasa tersebut dengan mengambil kira pertimbangan konteks bahasa dalam memilih perkataan-perkataan tertentu atau ketika menyusun seluruh terjemahan. Ringkasan proses analisis ini adalah seperti berikut:



Rajah 1. Penilaian terjemahan kata kerja berimbuhan menggunakan analisis konstrastif dan teori konteks


ii. Teori konteks:

Teori ialah asas atau prinsip yang menjadi dasar pembentukan sesuatu pengetahuan, manakala konteks pula ialah keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya dalam menentukan erti sesuatu perkataan (KD, 2016). Justeru, teori konteks ialah prinsip asas dalam menentukan makna dengan mengambil kira keadaan atau latar belakang sesuatu ayat (Abdul Aziz, 2010). Ketepatan terjemahan bukan semata-mata dilihat kepada padanan sahaja, bahkan ia perlu mengambil kira proses pemindahan kemanusiaan (kebudayaan, fikiran, fahaman dan lain-lain) yang sentiasa terikat dengan konteks kerana bahasa sumber dan bahasa sasaran, masing-masing mempunyai taburan leksikal dan gaya bahasa yang tersendiri (Kader & Low, 1993). Konteks terbahagi kepada dua bahagian yang besar iaitu konteks linguistik dan konteks bukan linguistik. Konteks linguistik atau *linguistic context* atau السياق اللغوي (*al-siyāq al-lughawī*) menjelaskan hubungan antara dua unsur bahasa yang meliputi konteks hubungan antara kata dengan kata dalam frasa atau ayat, hubungan antara frasa dalam satu ayat atau wacana dan hubungan antara ayat dalam wacana (Keraf, 1991). Melalui konteks linguistik ini, makna yang khusus dapat ditentukan dengan jelas, tidak pelbagai dan berkongsi maknanya (Qaddūr, 1996). Perkataan عين (*‘ayn*) dalam bahasa Arab mempunyai banyak makna. Antaranya ialah mata, mata air, pengintip, penduduk sebuah negara, jeneral, ketua tentera, ketua kaum, zat daripada sesuatu, sesuatu yang bernilai dan lain-lain lagi (KBAMD, 2006). Namun maksud sebenarnya hanya dapat diketahui melalui konteks ayat yang dimasuki oleh perkataan tersebut.

Konteks bukan linguistik terdiri daripada konteks emosi dan konteks situasi. Pertama, konteks emosi atau *emotional context* atau السياق العاطفي (*al-siyāq al-‘ātifi*) berperanan untuk menentukan tahap reaksi sesuatu perkara. Sebagai contoh perkataan يكره (*yakrahu*) dan يبغض (*yabghad*), kedua-duanya membawa maksud tidak suka. Tetapi konteks emosi menjelaskan bahawa tahap tidak suka pada perkataan يبغض (*yabghad*) lebih berat daripada perkataan يكره (*yakrahu*). Kedua, konteks situasi atau *situational context* atau السياق العاطفي (*al-siyāq al-‘ātifi*) menjelaskan bahawa sesuatu perkataan difahami maksudnya melalui analisis keperihalalan atau situasi luaran yang berlaku ketika perkataan tersebut diucapkan. Sebagai contoh perkataan يرحم (*yarham*) pada ayat

يرحمك (*yarhamka Allah*) (ungkapan untuk orang yang bersin) dengan ayat يرحم (Allah yarhamuhu) (ungkapan untuk orang yang meninggal dunia). Ungkapan yang pertama membawa makna untuk memohon rahmat di dunia, manakala ungkapan yang kedua ialah memohon rahmat di akhirat (Ahmad, 2008).

Berdasarkan keterangan yang lalu, satu kerangka kerja teoritikal dan konseptual dapat difahami. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dalam menganalisis dokumen pada THQK. Sampel-sampel yang terpilih dianalisis secara konstrastif untuk mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa daripada aspek fungsi kata imbuhan yang disisipkan pada sesuatu kata kerja berimbuhan. Penentuan fungsi kata imbuhan yang terdapat pada kedua-dua bahasa pula hanya diketahui berdasarkan konteks ayat yang difahami melalui KBAMD (2006) serta dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu ‘*al-Tafsīr al-Munīr*’ (1991) yang ditulis oleh al-Zuhayli serta ‘*Tafsir Mubin*’ (2009) yang ditulis oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. Akhirnya, beberapa dapatan kajian diperoleh melalui proses analisis yang dilakukan sebelum ini. Ringkasan daripada teoritikal dan konseptual melalui kajian ini adalah seperti berikut:



Rajah 2. Kerangkakerja teoritikal dan konseptual kajian

2.4 *Tatacara Analisis Sampel*

Kajian ini dilakukan terhadap lima sampel daripada وزن (*wazn*) kata kerja berimbuhan ماضي (*mādi*) تفاعل (*tafā'ala*) yang ditemui dalam surah al-Baqarah. Kata kerja berimbuhan تفاعل (*tafā'ala*) ini terdiri daripada kata imbuhan awalan ت (*ta'*) yang diletakkan pada hadapan kata akar فعل (*fa'ala*) dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama kata akar tersebut, sehinggalah membentuk kata kerja berimbuhan ماضي (*mādi*) yang baharu iaitu تفاعل (*tafā'ala*). Tatacara analisis sampel pula akan dilakukan mengikut langkah-langkah berikut:

- i. Teks al-Quran yang telah dipilih sebagai sampel akan ditulis berserta rujukan ayatnya.
- ii. Kemudian diikuti oleh teks terjemahan yang diambil daripada THQK.
- iii. Setelah itu, ulasan akan dibuat melalui proses penilaian terjemahan kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.
- iv. Konteks yang mengiringi teks al-Quran pada setiap sampel akan diteliti menggunakan dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu TMR (1991) yang ditulis oleh al-Zuhayli serta TMN (2009) yang ditulis oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid untuk melihat sama ada teks terjemahan yang ditulis mengikut konteks asal atau sebaliknya.
- v. Selepas itu, fungsi imbuhan bagi setiap sampel pula dikenalpasti berdasarkan kajian konteks sebelum ini untuk melihat kesepadanan makna fungsi kata imbuhan yang sesuai dalam bahasa Melayu pula.
- vi. Sekiranya terjemahan yang diberikan betul dan padanan antara teks al-Quran dengan teks terjemahan tepat, maka terjemahan itu akan dikekalkan.
- vii. Jika keadaan berlaku sebaliknya, satu cadangan terjemahan akan dikemukakan.

3. Fungsi Derivasi atau Kata Kerja Berimbuhan *Tafā'ala*

Kata kerja berimbuhan *تَفَاعَلَ* (*tafā'ala*) ini terbentuk dengan penambahan dua jenis imbuhan iaitu 'imbuhan awalan' iaitu morfem ت (*ta*') pada awal perkataan dan 'imbuhan sisipan' iaitu morfem ا (*alif*) selepas huruf pertama kata akar. Imbuhan-imbuhan ini membawa banyak maksud dan fungsi. Antaranya ialah:

- i. Ia membawa maksud 'saling ...' yang berfungsi sebagai المشاركة (*al-mushārah*) atau menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan itu dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut (Qubāwah, 1994) seperti ayat:

تَعَارَفَ مُحَمَّدٌ وَزَيْدٌ فِي الْمَسْجِدِ

Terjemahannya:

Muhammad dan Zaid saling berkenalan dalam masjid.

Perkataan *تَعَارَفَ* (*ta'ārafa*) berasal daripada kata akar *عَرَفَ* (*'arafa*) yang bermaksud 'kenal' (KBAMD, 2006). Apabila kata kerja ini ditukarkan kepada bentuk dan maksud وزن (*wazn*) *تَفَاعَلَ* (*tafā'ala*) ini, ia berubah menjadi perkataan *تَعَارَفَ* (*ta'ārafa*) yang turut menambah terjemahan 'saling ...' pada maksud yang asal sehingga ia difahami dengan pengertian 'saling berkenalan' (KBAMD, 2006). Dalam tatabahasa Melayu, pengertian 'saling' itu juga boleh diganti dengan kata imbuhan awalan 'ber' yang turut membawa makna fungsi المشاركة (*al-mushārah*) atau perkongsian tersebut (Hasan, 2006). Sebagai contoh ayat sebelum ini iaitu, 'Muhammad dan Zaid saling berkenalan dalam masjid' memadai jika ditulis, 'Muhammad dan Zaid berkenalan dalam masjid' kerana kata imbuhan 'ber' tersebut sudah menunjukkan fungsi المشاركة (*al-mushārah*) atau dengan maksud bahawa kedua-dua pihak saling berkenalan antara satu dengan yang lain.

- ii. Ia membawa maksud 'pura-pura ...' atau التكلف (*al-takalluf*) (al-Hamlāwī, 2003). Sebagai contoh perkataan *تَنَآوَمَ* (*tanāwama*) yang menggunakan وزن (*wazn*) *تَفَاعَلَ* (*tafā'ala*) serta membawa maksud 'pura-pura tidur' (KBAMD, 2006) dan *تَغَاهَفَا* (*taghāfala*) yang bermaksud 'pura-pura lupa' (KBAMD, 2006). Kedua-dua perkataan ini berasal daripada kata akar *نَامَ* (*nāma*) yang hanya sekadar bermaksud 'tidur' (KBAMD, 2006) dan *غَفَلَ* (*ghafala*) yang bermaksud 'lupa' (KBAMD, 2006).
- iii. Ia membawa maksud 'semakin ...' yang menunjukkan sesuatu perbuatan itu berlaku secara beransur-ansur atau للتدرّج (*al-tadrīj*) (Abd. al-Hamid, 2003). Sebagai contoh perkataan *زَادَ* (*zāda*) yang bermaksud 'bertambah' (KBAMD, 2006) dan perkataan *فَاقِمَ* (*faqima*) yang bermaksud 'sombong' (KBAMD, 2006). Apabila kedua-dua perkataan ini diterbitkan semula dalam bentuk perkataan baharu menggunakan وزن (*wazn*) *تَفَاعَلَ* (*tafā'ala*), iaitu *تَزَايَدَا* (*tazāyada*) dan *تَفَاقَمَا* (*tafāqama*), kedua-duanya turut menerbitkan maksud baharu, iaitu 'semakin bertambah' (KBAMD, 2006) dan 'semakin sombong' (KBAMD, 2006).
- iv. Ia berfungsi sebagai المطاوعة (*al-mutāwa'ah*) atau membawa maksud 'ter ...' (Abduh al-Rājihī, 2003). Sebagai contoh seperti perkataan berikut:

عَدْتُكُمْ فِتْيَانًا عَنِّي

Terjemahannya:

Aku menjauhinya sehingga dia *tersisih* daripadaku.

Perkataan *عَدَّ* (*bā'ada*) berasal daripada kata akar *بَعَدَ* (*ba'uda*) yang bermaksud 'jauh' (KBAMD, 2006). Apabila perkataan ini dimasuki oleh 'imbuhan sisipan' iaitu morfem *ا* (*alif*) selepas huruf kedua kata akar, ia membentuk kata terbitan baharu menggunakan وزن (*wazn*) *تَفَاعُلَ* (*tafā'ala*) iaitu *تَبَاعَدَ* (*tabā'ada*) yang turut menambah imbuhan tambahan pada terjemahan kata akarnya iaitu 'ter ...' sehingga difahami maksudnya sebagai 'terjauh' (KBAMD, 2006). Kemudiannya kosa kata maksud ini disesuaikan semula dengan konteks ayat dan diterjemahkan dengan perkataan yang hampir seerti dengannya iaitu 'tersisih'.

4. Analisis Kesepadanan Fungsi Terjemahan Derivasi *Tafā'ala*

Berikut merupakan analisis terhadap lima sampel data seperti di bawah:

i. Sampel 1

﴿ ثُمَّ أَنْتُمْ هَتُّوْلَاءٌ تَقْتُلُوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَتَخْرُجُوْنَ فَرِيقًا مِّنْكُمْ مِنْ دِيَارِهِمْ يُظَاهِرُونَ عَلَيْهِمْ بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِنْ يَأْتُوكُمْ أُسْرَىٰ تَنْفِدُوهُمْ وَهُوَ حُرْمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ أَفْتَوْا بَعْضُ الْكُفْرَةِ وَتَكْفُرُونَ بَعْضٌ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴾
 (Surah al-Baqarah 2: 85)

Teks terjemahan:

Kemudian kamu (Bani Israel) membunuh dirimu (saudaramu sebangsa) dan mengusir segolongan dari kamu dari kampung halamannya, kamu bantu-membantu terhadap mereka dengan perbuatan dosa dan permusuhan, tetapi jika mereka datang kepadamu sebagai tawanan, kamu tebus mereka, padahal mengusir mereka itu (juga) dilarang bagimu. Apakah kamu beriman kepada sebahagian al-Kitab (Taurat) dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiada balasan bagi orang yang berbuat demikian darimu, melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia dan pada hari kiamat, mereka dikembalikan kepada seksa yang sangat berat. Allah tidak lalai dari apa yang kamu telah lakukan (THQK, 2013).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja مضارع (*mudāri*) *تُظَاهِرُونَ* (*tazāharūn*). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja ماضي (*mādī*) *ظَهَرَ* (*ẓahara*) yang bermaksud 'jelas', 'ketara', 'muncul', 'menjelma', 'melihat', 'menguasai', 'berbangga', 'membantu' atau 'menaikkan' (KBAMD, 2006). Kemudian berlaku perubahan derivasi dengan pertambahan imbuhan awalan ت (*ta*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan *ا* (*alif*) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan ماضي (*mādī*) baharu iaitu *تُظَاهِرُ* (*tazāhara*) dengan وزن (*wazn*) *تَفَاعُلَ* (*tafā'ala*) yang membawa maksud 'tolong-menolong', 'menunjukkan sokongan' atau 'bantu-membantu' (KBAMD, 2006). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses اشتقاق (*ishtiqaq*) dan akhirnya berubah menjadi kata kerja مضارع (*mudāri*) *تُظَاهِرُونَ* (*tazāharūn*) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan تَطَاهَرُونَ (*tazāharūn*) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhaylī (1998) menyebut bahawa perkataan تَطَاهَرُونَ (*tazāharūn*) tersebut merujuk kepada maksud ‘bantu-membantu’ dan bukannya ‘menunjukkan sokongan’. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan sikap Bani Israel yang melanggar perjanjian dengan para rasul mereka dengan berbunuh-bunuhan sesama mereka dan usir-mengusir antara satu sama lain. Mereka ‘bantu-membantu’ melakukan kezaliman dan kemaksiatan sedangkan mereka mengetahui perbuatan tersebut amat ditegah oleh Allah S.W.T. Ayat ini diturunkan kerana peperangan yang berlaku antara Banī Qurayzah dan Banī Nadīr yang menyokong kaum ‘Aus dengan Banī Qaynūna’ yang menyokong Banī Khazraj. Peperangan ini mendapat sokongan dan bantuan daripada puak-puak Yahudi yang berpecah kepada dua kumpulan. Masing-masing menyokong kumpulan yang berbeza-beza. Justeru, peperangan ini sebenarnya menyaksikan pertempuran sesama Yahudi itu sendiri. Mereka berbunuh-bunuhan sesama saudara seagama mereka dan menghalau serta merampas harta saudara musuh mereka yang kalah walaupun daripada satu agama yang sama. Perbuatan ini satu jenayah dan kesalahan besar serta larangan yang terdapat dalam kitab Taurat mereka (Abdullah dan Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan ت (*ta*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama تَطَاهَرُونَ (*tazāharūn*) berfungsi sebagai المشاركة (*al-mushārahah*) atau menunjukkan bahawa perbuatan bantu-membantu itu dilakukan secara bersama-sama. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan ‘bantu-membantu’ dengan ‘penggandaan menyalang kata kerja’ sebagaimana yang dikehendaki oleh fungsi bagi imbuhan bahasa sumber dan konteks ayatnya yang asal.

ii. Sampel 2

﴿ وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَنْزِيلًا آيَةٌ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَبْلِهِمْ كَسَبَتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴾

(Surah al-Baqarah 2: 118)

Teks terjemahan:

Dan orang yang tidak mengetahui berkata, ‘Mengapa Allah tidak (langsung) berbicara dengan kami atau datang tanda-tanda kekuasaanNya kepada kami?’ Demikianlah pula orang yang sebelum mereka telah mengatakan seperti ucapan mereka itu, hati mereka serupa. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami kepada kaum yang yakin (THQK, 2013).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja ماضي (*mādī*) تَشَابَهَتْ (*tashābahat*). Kata akar ini sebenarnya berasal daripada kata kerja ماضي (*mādī*) شَبَهَ (*shabaha*) yang membawa maksud ‘serupa’, ‘sama’ atau ‘mirip’ (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan ت (*ta*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan ماضي (*mādī*) baharu iaitu تَشَابَهَتْ (*tashābaha*) mengikut وزن (*wazn*) تَفَاعُلَ (*tafa'ala*) yang membawa maksud ‘serupa’ (KBAMD, 2006). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses اشتقاق (*ishtiqaq*) dan akhirnya berubah menjadi perkataan تَشَابَهَتْ (*tashābahat*) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan تَشَابَهَتْ (*tashābahat*) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhaylī (1998) menyebut bahawa perkataan تَشَابَهَتْ (*tashābahat*) tersebut merujuk kepada maksud ‘serupa’. Ayat tersebut sebenarnya menjelaskan persamaan sifat orang-orang musyrikin pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dengan orang-orang musyrikin terdahulu yang mempertikaikan kebenaran wahyu yang dibawa oleh rasul-rasul mereka. Bagi mereka, sepatutnya wahyu itu turun kepada mereka dan bukannya melalui perantaraan para rasul yang diutuskan. Kisah ini menggambarkan keegoan hati mereka ‘serupa’ dalam mempertikaikan setiap kebenaran yang dibawa kepada mereka (Abdullah dan Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan ت (ta') pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (alif) selepas huruf pertama تَشَابَهَتْ (tashābahat) berfungsi sebagai المشاركة (al-mushārahah) atau perkongsian jiwa atau naluri yang sama antara satu sama lain. Terjemahan mengekalkan maksud asal bagi perkataan تَشَابَهَتْ (tashabaha) iaitu 'serupa' dan ia masih boleh difahami kerana ayat 'hati mereka serupa' menunjukkan المشاركة (al-mushārahah) atau perkongsian jiwa atau naluri yang sama tersebut.

iii. Sampel 3

﴿ فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ ۚ فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاحَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ ۗ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴾
 (Surah al-Baqarah 2: 230)

Teks terjemahan:

Kemudian jika suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), maka perempuan itu tidak halal baginya hingga dia berkahwin dengan suami yang lain. Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk berkahwin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkanNya kepada kaum yang (mahu) mengetahui (THQK, 2013).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja مضارع (mudāri) يَتَرَاحَا (yatarāja'a). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja ماضِي (mādī) رَجَعَ (raja'a) yang bermaksud 'terbang', 'memberi faedah', 'jilat', 'kembali' atau 'membangkitkan' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh kata imbuhan awalan ت (ta') pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (alif) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan ماضِي (mādī) baharu iaitu تَرَاحَا (tarāja'a) mengikut وزن (wazn) تَفَاعُل (tafa'ala). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses اشتقاق (ishtiqaq) dan akhirnya berubah menjadi kata kerja مضارع (mudāri) يَتَرَاحَا (yatarāja'a) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan يَتَرَاحَا (yatarāja'a) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna yang baharu. Al-Zuhaylī (1998) menyebut bahawa perkataan يَتَرَاحَا (yatarāja'a) tersebut merujuk kepada اسم (ism) الرَّجْعَة (al-raj'ah) yang bermaksud 'rujuk semula isteri'. Ayat tersebut menjelaskan bahawa apabila seseorang perempuan diceraikan sebanyak tiga kali talak daripada bekas suaminya, dia tidak halal lagi untuk bekas suaminya tersebut. Namun jika kedua-dua ingin rujuk menjadi suami isteri semula, wanita tersebut mestilah berkahwin dengan lelaki lain dan akhirnya diceraikan pula oleh suaminya yang baharu. Setelah itu, baru dia boleh menjadi isteri kepada bekas suaminya yang pertama dengan syarat mesti 'berkahwin semula' atau melalui proses perkahwinan sebagaimana yang dilalui pada pernikahan yang mula-mula dahulu seperti akad nikah dan sebagainya (Abdullah dan Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan ت (ta') pada hadapan kata dan ا (alif) selepas huruf pertama يَتَرَاحَا (yatarāja'a) berfungsi menunjukkan makna المشاركة (al-mushārahah) atau ia lebih difahami dengan 'perkongsian' hidup semula antara pasangan suami isteri yang sudah bercerai. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan 'berkahwin kembali' untuk menjelaskan konteks rujuk semula bekas isterinya bukan seumpama rujuk untuk talak pertama atau kedua, tetapi rujuk ini adalah bagi talak ketiga yang mesti melalui proses seumpama di awal perkahwinan dahulu semula.

iv. Sampel 4

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَانَيْتُمْ بَدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ؕ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ؕ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ؕ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُعْمَلَ هُوَ فَلْيَمْلِكِ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ؕ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ؕ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ؕ وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ؕ وَلَا تَسْعَمُوا أَنْ تُكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ؕ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ؕ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ؕ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ؕ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ ؕ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Teks terjemahan:

Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangkan sedikit pun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalunya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu merencanakan, maka hendaklah walinya merencanakan dengan jujur dan disaksikan dengan dua orang saksi daripada orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahu pun besar, sampai masa tempoh pembayarannya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan penyaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu'amalah itu) kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menuliskannya. Dan saksikanlah apabila kamu berjual-beli dan janganlah penulis dan saksi saling menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK, 2013).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja ماضي (*mādī*) تَدَانَيْتُمْ (*tadāyana*) pada ayat تَدَانَيْتُمْ (*tadāyantum*). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja ماضي (*mādī*) دَانَ (*dāna*) yang bermaksud 'patuh', 'taat', 'berhutang', 'memimpin', 'membalas', 'memberikan perkhidmatan', 'melakukan' atau 'meminjam' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan awalan ت (*ta*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan ماضي (*mādī*) baharu iaitu تَدَانَيْتُمْ (*tadāyana*) mengikut وزن (*wazn*) تَفَاعُلَ (*tafa'ala*) yang membawa maksud 'pinjam-meminjam'. Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses اشتقاق (*ishtiqaq*) dan akhirnya berubah menjadi kata kerja ماضي (*mādī*) تَدَانَيْتُمْ (*tadāyantum*) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan *تَدَايَنْتُمْ* (*tadāyantum*) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhaylī (1998) menyebut bahawa perkataan tersebut merujuk kepada اسم (*ism*) اللَّدَيْن (*al-dayn*) yang bermaksud ‘hutang’ (KBAMD, 2006). Ayat ini sebenarnya mengandungi arahan yang tegas daripada Allah S.W.T kepada orang yang beriman supaya tidak mengamalkan sikap bekerja sambil lewa serta memandang ringan terhadap urusan yang berkaitan dengan pinjam-meminjam wang dan amalan ‘berhutang’. Sebagaimana yang diterangkan, urusan ‘berhutang’ hendaklah dicatat dengan jelas dan ditulis oleh orang yang benar-benar berkeahlian dalam surat-menyurat perjanjian yang disaksikan oleh dua orang saksi lelaki yang adil serta waras fikirannya atau seorang lelaki dengan dua orang wanita yang adil serta waras fikirannya (Abdullah dan Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan ت (*ta*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ^ا (*alif*) selepas huruf pertama *تَدَايَنْتُمْ* (*tadāyantum*) berfungsi sebagai makna المشاركة (*al-mushārahah*) atau perkongsian. Ini bermakna perbuatan ‘berhutang’ itu dirasai oleh kedua-dua belah pihak sama ada yang berhutang atau yang memberi hutang. Terjemahan memilih perkataan ‘bermuamalah’, sedangkan padanan yang paling tepat sesuai dengan konteks ayat dan mudah difahami ialah ‘berhutang’ dengan imbuhan awalan ‘ber ...’ yang menjelaskan fungsi imbuhan dengan makna المشاركة (*al-mushārahah*) atau perkongsian.

Cadangan terjemahan:

Wahai orang yang beriman! Apabila kamu berhutang tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangkan sedikit pun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalnya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu merencanakan, maka hendaklah walinya merencanakan dengan jujur dan disaksikan dengan dua orang saksi daripada orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahu pun besar, sampai masa tempoh pembayarannya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan penyaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu’amalah itu) kecuali jika mu’amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menuliskannya. Dan saksikanlah apabila kamu berjual-beli dan janganlah penulis dan saksi saling menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

v. Sampel 5

﴿ يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَدَّيْنْتُمْ بَدَيْنَ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۚ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُعْلِمَ هُوَ فَلْيَمْلِكِ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۚ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَآمْرَانِ ۖ مِنْ تَرَضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا تَسْمَعُوا أَنْ تُكْتَبَ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشُّهَدَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ۚ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۚ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ۚ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ۝﴾

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Teks terjemahan:

Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah dia mengurangkan sedikit pun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalunya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu merencanakan, maka hendaklah walinya merencanakan dengan jujur dan disaksikan dengan dua orang saksi daripada orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahu pun besar, sampai masa tempoh pembayarannya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan penyaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah mu'amalah itu) kecuali jika mu'amalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menuliskannya. Dan saksikanlah apabila kamu berjual-beli dan janganlah penulis dan saksi saling menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (THQK, 2013).

Analisis:

Data dalam sampel ayat al-Quran ini merujuk kepada kata kerja ماضي (*mādī*) *tabāya'a* (تَبَايَعُ) pada ayat تَبَايَعْتُمْ (*tabāya'tum*). Perkataan ini sebenarnya berasal daripada kata kerja ماضي (*mādī*) ع (bā'a) yang bermaksud 'jual' atau 'beli' (KBAMD, 2006). Kemudian ia dimasuki oleh imbuhan awalan ت (*ta'*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama untuk membentuk kata kerja berimbuhan ماضي (*mādī*) baharu iaitu *tabāya'a* (تَبَايَعُ) mengikut وزن (*wazn*) *tafā'ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'membuat perjanjian jual-beli' (KBAMD, 2006). Setelah itu, perkataan ini mengalami beberapa proses اشتقاق (*ishtiqaq*) dan akhirnya berubah menjadi kata kerja ماضي (*mādī*) تَبَايَعْتُمْ (*tabāya'tum*) sebagaimana yang terdapat dalam ayat sebelum ini.

Perkataan تَبَايَعْتُمْ (*tabāya'tum*) yang sudah dimasuki oleh imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Al-Zuhaylī (1998) menyebut bahawa perkataan تَبَايَعْتُمْ (*tabāya'tum*) tersebut merujuk kepada اسم (*ism*) *al-bay'* (الْبَيْع) yang bermaksud 'jual-beli' (KBAMD, 2006). Ayat tersebut sebenarnya sambungan ulasan bagi sampel keempat yang lalu. Ayat tersebut sebenarnya menitikberatkan urusan perjanjian tersebut dimeterai dan dilakukan dengan adanya saksi dalam hampir semua urusan 'jual-beli' bukan tunai. Bagaimanapun, perkara ini terkecuali dalam urusan jual beli tunai yang tidak diwajibkan penulisan dan penyaksian tetapi digalakkan supaya urusan tunai itu ditulis dan diadakan saksi (Abdullah dan Khalid, 2009).

Berdasarkan konteks ayat, penambahan imbuhan awalan ت (*ta'*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama تَبَايَعْتُمْ (*tabāya'tum*) berfungsi sebagai المشاركة (*al-mushārahah*) atau perkongsian yang menunjukkan bahawa proses jual-beli antara satu sama lain sebagaimana yang dimaksudkan dalam ayat tersebut benar-benar berlaku. Terjemahan tepat apabila memilih perkataan 'berjual-beli' dengan imbuhan awalan 'ber ...' pada hadapan 'penggandaan suku kata kata kerja' untuk tujuan bagi fungsi imbuhan المشاركة (*al-mushārahah*) atau perkongsian.

5. Dapatan

Imbuhan awalan ت (*ta'*) pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (*alif*) selepas huruf pertama kata akar yang terdapat pada وزن (*wazn*) *tafā'ala* (تَفَاعَلَ) ini mempunyai empat fungsi iaitu المشاركة (*al-mushārahah*), التكلف (*al-takalluf*), التدرج (*al-tadrij*) dan المطاوعة (*al-mutāwa'ah*). Namun, berdasarkan analisis terhadap lima sampel data

sebelum ini mendapati bahawa kesemua imbuhan dalam kelima-lima sampel tersebut didapati berfungsi hanya sebagai المشاركة (al-mushārah) sahaja. Ini bermakna fungsi kata imbuhan المشاركة (al-mushārah) tersebut mewakili 25% daripada keseluruhan fungsi yang dinyatakan. Manakala tiga fungsi kata kerja berimbuhan yang lain iaitu التكلف (al-takalluf), التدريج (al-tadrij) dan المطاوعة (al-mutāwa'ah) yang mewakili 75% tidak ditemui dalam analisis-analisis tersebut. Carta di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan fungsi imbuhan yang terlibat atau tidak tersebut dalam sampel sebelum ini secara ringkas.



Carta 1. Bilangan dan peratusan fungsi imbuhan yang terlibat atau tidak

Fungsi المشاركة (al-Mushārah) ialah satu perbuatan yang dilakukan oleh dua pihak atau lebih secara bersama-sama dengan makna 'saling' dan kesemua pelaku menerima kesan yang sama hasil daripada perbuatan tersebut (Qubāwah, 1994). Jadual di bawah merupakan senarai lima sampel yang didapati mempunyai imbuhan dengan fungsi المشاركة (al-mushārah) seperti berikut:

Jadual 1. Senarai sampel yang didapati mempunyai imbuhan dengan fungsi المشاركة (al-mushārah)

Bil.	Terjemahan	Ayat	No. Ayat	No. Sampel
1.	... dan mengusir segolongan daripada kamu dari kampung halamannya, kamu <u>bantu-membantu</u> terhadap mereka dengan perbuatan dosa dan permusuhan وَتُخْرِجُونَ فِرْقَانًا مِنْكُمْ مِنْ دِيَارِهِمْ يُظَاهِرُونَ عَلَيْهِمْ لِآئِمِّمٍ وَالْعُدْوَانِ ...	85	1
2.	... Demikianlah pula orang yang sebelum mereka telah mengatakan seperti ucapan mereka itu, hati mereka <u>serupa</u> كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَابَهتْ قُلُوبُهُمْ ...	118	2
3.	... Kemudian jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk <u>berkahwin kembali</u> jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah فَإِنْ طَلَّقَهَا لِفَاحٍ خِنَاحٍ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاحَا إِنْ طَلَّقَا أَنْ يَيْمِمَا حُدُودَ ...	230	3
4.	... Wahai orang yang beriman! Apabila kamu <u>bermuamalah</u> tidak secara tunai untuk masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَعْتُمْ بَيْنَ يَدَيْكُمْ إِلَى الْحَلِّ مُسَمًى فَاكْتُبُوهُ ...	282	4
5.	... Dan saksikanlah apabila kamu <u>berjual-beli</u> وَأَشْهَدُوا إِذَا بَايَعْتُمْ ...	282	5

6. Kesimpulan

Terjemahan ialah satu proses seni dalam memindahkan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mencari padanan yang paling sepadan antara keduanya supaya hasilnya tepat dan boleh

difahami. Salah satu proses yang dilakukan dalam bidang ini ialah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Padanan makna ini pula amat berkait rapat dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terbentuk daripada gabungan kata akar dengan kata imbuhan. Walau bagaimana pun, ramai dalam kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan derivasi atau kata kerja berimbuhan Arab yang paling tepat ke dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan kegagalan untuk menentukan fungsi terjemahan derivasi sesuatu kata kerja terlebih dahulu.

Limitasi kajian dalam makalah ini memberikan tumpuan kepada fungsi terjemahan derivasi تفاعل (tafā'ala) yang sepadan. Kajian ini dilakukan terhadap lima sampel data daripada وزن (wazn) kata kerja berimbuhan ماضي (mādī) تفاعل (tafā'ala) yang ditemui dalam surah al-Baqarah. Kata kerja berimbuhan تفاعل (tafā'ala) ini terdiri daripada kata imbuhan awalan ت (ta') yang diletakkan pada hadapan kata akar فعل (fa'ala) dan imbuhan sisipan ا (alif) selepas huruf pertama kata akar tersebut, sehinggalah membentuk kata kerja berimbuhan ماضي (mādi) yang baharu iaitu تفاعل (tafā'ala). Imbuhan awalan ت (ta') pada hadapan kata dan imbuhan sisipan ا (alif) selepas huruf pertama kata akar yang terdapat pada وزن (wazn) تفاعل (tafā'ala) ini mempunyai empat fungsi sama ada المشاركة (al-mushārahah), التكلف (al-takalluf), التدرج (al-tadrīj) dan المطاوعة (al-mutāwa'ah). Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan dalam pengumpulan data. Rujukan sumber terdiri daripada sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama dikutip daripada 'Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim' dan 'Kamus Besar Arab Melayu Dewan', manakala data sekunder pula diperoleh melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan analisis sampel kajian yang terdiri daripada dua buah kitab tafsir al-Quran utama iaitu 'al-Tafsīr al-Munīr' yang ditulis oleh al-Zuhaylī serta 'Tafsīr Mubin' yang ditulis oleh Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. Sampel-sampel yang terpilih dianalisis secara kontrasif untuk mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa daripada aspek fungsi kata imbuhan yang disisipkan pada sesuatu kata kerja berimbuhan. Penentuan fungsi kata imbuhan yang terdapat pada kedua-dua bahasa pula hanya diketahui berdasarkan konteks ayat yang difahami melalui 'KBAMD' serta dua buah kitab tafsir al-Quran iaitu 'TMR' serta 'TMN'. Satu kerangka kerja teoritikal dan konseptual telah dikemukakan untuk semua proses ini.

Berdasarkan analisis kajian menunjukkan bahawa kesemua imbuhan dalam kelima-lima sampel tersebut didapati berfungsi hanya sebagai المشاركة (al-mushārahah) sahaja. Ini bermakna fungsi kata imbuhan المشاركة (al-mushārahah) tersebut mewakili 25% daripada keseluruhan fungsi yang dinyatakan. Manakala tiga fungsi kata kerja berimbuhan yang lain iaitu التكلف (al-takalluf), التدرج (al-tadrīj) dan المطاوعة (al-mutāwa'ah) mewakili 75% tidak ditemui dalam analisis-analisis tersebut. Selain itu, empat sampel data didapati telah diterjemahkan mengikut padanan fungsi terjemahan terhadap kata kerja berimbuhan تفاعل (tafā'ala) dengan baik. Manakala baki yang satu sampel lagi disertakan dengan cadangan terjemahan yang lain. Akhirnya, penterjemahan dilihat berjaya kerana dilakukan dengan baik dan difahami, walau pun terdapat sedikit pengubahsuaian yang dilakukan bermatlamat menjadikan terjemahan lebih berbentuk natural sesuai dengan konteks ayat.

Rujukan

- 'Abd al-Hamīd, M. D. (2003). *Durūs al-taṣrīf*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Abdullah, S., & Khalid, O. (2009). *Tafsīr Mubin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wahid, P. R. (2012). *Meneroka penterjemahan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, M. (2008). *Permasalahan penterjemahan Arab-Melayu: satu analisis teks sastera*. (Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya).
- Al-Ḥamlāwī, A. M. A. (2003). *Shadhā al-'arf fī 'ilm al-ṣarf*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Rājihī, A. S. D. A. (2008). *Al-taṭbīq al-ṣarfī*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah.
- Al-Zuhaylī, W. (1998). *Al-Tafsīr al-munīr fī al-aqīdah wa al-sharī'ah wa al-manhaj*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Aziz, M. B. (2010). *Ketepatan padanan terjemahan puisi Arab dalam kitab la tahzan: satu analisis bandingan*. (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 5, No. 1, June 2020

- Baharom, N., Ab. Ghani, M. N., Ahmad, I., Supardi, A., Kamin, S., Tajudin, A., Jabbar, S., Mohd. Khalid, H., & Abdullah, R. (2016). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, A. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Ibrahim, Z., Mat Yassim, A. R., & Supramani. (2006). *Kajian bahasa dan terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail, M. R. (2003). *Bahasa Arab mikro; binaan kata dan fungsi makna*. Kota Bharu: Arabic Language and Consultancy.
- Kader, M., & Low, B. E. (1993). Peranan konteks dalam penterjemahan dan implikasi terhadap pelajaran. *Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa Ke- 4*. 16-18 November 1993, Kuala Shah Alam, Malaysia, hlm. 67-80.
- Keraf, G. (1991). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Penerbit Pt. Gramedia Pustaka Utama.
- Khalid, U., Hamzah, S., Awang Mat Dahan, H. B., al-Muhammadi, A. H., Mohd. Nor, B. M., Mohd., A. H., & Mohd. Ali, M. H. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lubis, M. B., Jumingan, M. F., & Mohamad, K. (1998). *Penerjemahan Arab Melayu Arab; peraturan dan dasar*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Norul 'Azmi, N. A. (2017). Analisis Perbandingan Terjemahan Kata Partikel Arab Melayu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 68-80.
- Qaddūr, A. M. (1996). *Mabādī' al-lisāniyyat*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āshir.
- Qubāwah, F. D. (1994). *Taṣrīf al-asmā' wa al-af'āl*. Beirut: Maktabat al-Ma'ārif.
- Sulaiman, M. H. (2011). *Penguasaan kemahiran penterjemahan perkataan Arab berimbuhan di kalangan pelajar IPTA*. (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya).
- Usop, M. P., Ahmad, M., Zainan, M. K. N., Sahrir, M. S., Fauzi, N. H., Zainal, H., Ahmad, N. S., Aziz, M. B., Abu, N., & Rabi, R. (2006). *Terjemahan al-hidayah al-Quran al-karim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Wāfī, A. A. W. (1997). *Fiqh al-lughah*. Kaherah: Dār Nahḍat Miṣr.